

LATIHAN BERFOKUS MENGIKUT SUBTOPIK

BAB 1 : SKALA DAN JARAK

1.1 SKALA

1.

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling tepat.

- (a) _____ ialah nisbah jarak di atas peta berbanding dengan jarak sebenar di atas permukaan bumi.
- (b) Jarak _____ diukur dalam unit meter atau kilometer.
- (c) Skala yang dinyatakan dalam bentuk nisbah atau pecahan ialah _____.
- (d) Jarak lurus pada peta dapat diukur dengan menggunakan _____ atau _____.
- (e) 1 cm bersamaan dengan 4.5 km di atas permukaan bumi dalam bentuk pecahan wakilan ialah _____.
- (f) Jika skala peta ialah 1 cm mewakili 50 meter, maka jarak sebenar bagi garisan XY yang berukuran 5 cm di atas peta ialah _____.

1.2 JARAK

2. Berdasarkan jadual di bawah, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Nama murid	Masa diambil untuk berjalan kaki ke sekolah	Tambang bas untuk ke sekolah (RM)
Yusrezo	15 minit	0.40
Norsofia	25 minit	0.80
Anne Lim	55 minit	1.60
Lee Mei	35 minit	1.20
Rozita	1 jam 15 minit	2.40

- (a) Siapakah yang tinggal paling dekat dengan sekolah?
- (b) Jika Lee Mei berjalan kaki dan hendak sampai ke sekolah pada pukul 7.25 pagi, dia sepatutnya bertolak dari rumahnya pada pukul _____.
- (c) Mengapakah jarak relatif berdasarkan kos yang dibayar oleh Rozita adalah lebih tinggi berbanding dengan murid lain walaupun mereka menggunakan jenis pengangkutan yang sama untuk ke sekolah?